



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**ISU BUAH EPAL *GRANNY SMITH* DAN *GALA* KELUARAN
SYARIKAT BIDART BROTHERS, BAKERSFIELD, CALIFORNIA,
AMERIKA SYARIKAT DICEMARI *LISTERIA MONOCYTOGENES***

Kementerian Kesihatan mengambil maklum isu pencemaran bakteria *Listeria monocytogenes* ke atas buah epal jenis *Granny Smith* dan *Gala* keluaran Syarikat Bidart Brothers, Bakersfield, California, Amerika Syarikat yang digunakan dalam pengeluaran *caramel apple* yang dikesan oleh pihak *United States Food and Drug Administration* (USFDA) seperti yang dilaporkan dalam beberapa media antarabangsa sejak kebelakangan ini.

Makanan yang tercemar dengan *Listeria monocytogenes* berkemungkinan tidak menunjukkan sebarang tanda bahawa ianya telah rosak secara fizikal (melalui penglihatan dan bau). Pengambilan makanan yang tercemar dengan bakteria ini boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan yang dikenali sebagai *listeriosis*. *Listeriosis* boleh menyebabkan demam kuat, sakit kepala yang teruk, kekejangan pada leher dan loya (*nausea*). Bagi wanita mengandung, warga emas dan mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah adalah tergolong dalam kumpulan berisiko.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan telah mengenakan pemeriksaan tahan, uji, lepas ke atas pengimportan epal jenis *Granny Smith* dan *Gala* keluaran Syarikat Bidart Brothers, Amerika Syarikat di semua pintu masuk. Di pasaran domestik, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti dua (2) pengimport yang mengimport epal jenis *Granny Smith* keluaran Syarikat Bidart Brothers, Amerika Syarikat dan telah mengarahkan pengimport berkaitan memanggil balik (*recall*) buah epal tersebut dari pasaran dan buah epal yang terdapat di premis pengimport juga telah disita. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan sedang bekerjasama dengan pihak USFDA mengenai perkara ini.

Seksyen 13 Akta Makanan 1983 memperuntukkan mana-mana pihak yang terlibat mengimport, mengedar, menyimpan atau menjual makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang pertanyaan, pengguna boleh mengajukannya Kementerian Kesihatan melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) terdekat atau melalui laman web <http://fsq.moh.gov.my> atau facebook BKKM www.facebook.com/bkkmhq.

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
17 Januari 2015